# مولد برزنجي نثر

# MAULID BARZANJI & MARHABAN

## Untuk Majlis Perkahwinan Dan Kesyukuran

*Susunan Semula & Terjemahan Oleh:*
*Ustaz Haji Bakri Bin Basir*

www.tedisobandi.blogspot.com

# MAULID BERZANJI & MARHABAN

© Ustaz Haji Bakri bin Basir

Cetakan Pertama Jun 2017

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau pun ditukar ke dalam sebarang bentuk dengan sebarang alat jua pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit dan penterjemah terlebih dahulu.

*All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any or by any means, elektronic or mechanical, including photocopy, recording or any imformation storage and without permission in writing from translator and publisher.*

**Khidmat Penerbitan dan Percetakan:**
**DARUL BUSYRA ENTERPRISE**
No. 17, Tingkat Bawah, Lorong Jawi Ria 3,
Taman Jawi Ria, 14200 Sungai Bakap,
Pulau Pinang.
***Facebook:*** Darul Busyra Enterprise
***Email:*** darulbusyraent@gmail.com
***No. Tel:*** 04-582 2313

**Disusun dan Diterjemah Oleh:**
Ustaz Haji Bakri bin Basir
919, Jalan Changkat, 14300
Nibong Tebal, Pulau Pinang.
***No. Tel:*** 013-460 7270

بسم الله الرحمن الرحيم

# اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْهِ

۞ اَلْجَنَّةُ وَنَعِيمُهَا سَعْدٌ لِمَنْ يُصَلِّي وَيُسَلِّمُ

**Syurga** dan segala nikmatnya adalah tempat kebahagiaan bagi mereka yang berselawat dan mengucapkan salam

وَيُبَارِكُ عَلَيْهِ ۞

dan berkat ke atas Baginda.

## بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

۞ اَبْتَدِئُ الْإِمْلَاءَ بِاسْمِ الذَّاتِ الْعَلِيَّةِ ۞

"**Ku** mulai karya ini dengan nama (Allah) Zat yang Maha Tinggi"

۞ مُسْتَدِرًّا فَيْضَ الْبَرَكَاتِ عَلَى مَا أَنَالَهُ وَأَوْلَاهُ

"**Sambil** mengharapkan limpah keberkatan atas segala pemberian dan nikmatNya"

۞ وَأُثْنِي بِحَمْدٍ مَوَارِدُهُ سَائِغَةٌ هَنِيَّةٌ ۞

"**Ku** panjatkan pujian (kepadaNya), yang mana tempat terbitnya (pujian itu iaitu lidah) sungguh mudah tiada payah"

مُمْتَطِياً مِنَ الشُّكْرِ الْجَمِيلِ مَطَايَاهُ ۞

“Sambil menaiki kenderaan syukur yang selayaknya atas segala pemberianNya”

۞ وَأُصَلِّي وَأُسَلِّمُ عَلَى النُّورِ الْمَوْصُوفِ بِالتَّقَدُّمِ

“Dan aku berselawat serta mengucapkan salam ke atas Nur yang terdahulu kejadiannya

وَالْأَوَّلِيَّةِ ۞ الْمُنْتَقِلِ فِي الْغُرَرِ الْكَرِيمِ وَالْجِبَاهِ

dan terawal”. “Yang berpindah Nur itu kepada wajah-wajah (bapa-bapa Nabi) yang mulia dan dahi mereka”

۞ وَأَسْتَمْنِحُ اللهَ تَعَالَى رِضْوَانًا يَخُصُّ الْعِتْرَةَ

“Dan ku pohon limpah kurnia Allah Taala akan keredhaan khusus buat ahli keluarga Baginda

الطَّاهِرَةَ النَّبَوِيَّةَ ۞ وَيَعُمُّ الصَّحَابَةَ وَالْأَتْبَاعَ

yang bersih dari kesyirikan titisan Nabawiyyah”. “Dan termasuklah juga para sahabat dan tabi’in

وَمَنْ وَالَاهُ ۞ وَأَسْتَجْدِيهِ هِدَايَةً لِسُلُوكِ

dan semua mereka yang menyanjunginya”. “Dan kupohon kepada Allah akan hidayah agar dapat menempuh

السُّبُلِ الْوَاضِحَةِ الْجَلِيَّةِ ۞ وَحِفْظًا مِنَ الْغَوَايَةِ

jalan yang terang lagi nyata”. “Supaya terpelihara daripada tersesat

فِي خِطَطِ الْخَطَأِ وَخُطَاهُ ۞ وَأَنْشُرُ مِنْ قِصَّةِ

pada tempat dan jalan-jalan yang salah”. “Dan aku bentangkan kisah

الْمَوْلِدِ النَّبَوِيِّ بُرُودًا حِسَانًا عَبْقَرِيَّةً ۞ نَاظِمًا

kelahiran Baginda Nabi SAW bak membentang kain tenunan yang cantik lagi berseri”

مِنَ النَّسَبِ الشَّرِيفِ عِقْدًا تُحَلَّى الْمَسَامِعُ

“Menghimpunkan keturunan Baginda yang mulia, bak kalungan permata yang menghiasi para pendengar

بِحُلَاهُ ۞ وَأَسْتَعِينُ بِحَوْلِ اللهِ تَعَالَى وَقُوَّتِهِ

dengan hiasannya”. “Dan aku mohon pertolongan dengan kuasa Allah dan kekuatannya

الْقَوِيَّـةِ ۞ فَإِنَّهُ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ ۞

yang sempurna”. “Maka sesungguhnya tiada daya dan upaya melainkan hanya daripada Allah”.

عَطِّرِ اللّٰهُمَّ قَبْرَهُ الْكَرِيمِ

**“Ya Allah, harumkanlah kubur Baginda yang mulia”**

بِعَرْفٍ شَذِيٍّ مِنْ صَلَاةٍ وَتَسْلِيمِ

**“Dengan haruman yang semerbak berupa selawat dan salam”**

# اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْهِ

۞ وَبَعْدُ فَأَقُولُ هُوَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ ﷺ اِبْنُ عَبْدِ

"Maka aku berkata: Dia adalah penghulu kita Nabi Muhammad SAW ibnu Abdillah

اللهِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ وَاسْمُهُ شَيْبَةُ الْحَمْدِ

bin Abdul Muttalib, namanya (yang sebenar) ialah Syaibah al-Hamd

حُمِدَتْ خِصَالُهُ السَّنِيَّةُ ۞ اِبْنُ هَاشِمٍ وَاسْمُهُ

beliau dipuji orang kerana tingkah laku mulianya" "(Abdul Muttalib) bin Hashim, namanya (yang sebenar)

عَمْرُو ابْنُ عَبْدِ مَنَافٍ وَاسْمُهُ الْمُغِيرَةُ الَّذِى

ialah 'Amr bin Abd Manaf, namanya ialah Al-Mughirah yang

يُنْتَمَى الْإِرْتِقَاءُ لِعُلْيَاهُ ۞ اِبْنُ قُصَيٍّ وَاسْمُهُ

disegani kerana tinggi kedudukannya". "(Abd Manaf) bin Qushaiy, namanya

مُجَمِّعٌ سُمِّيَ بِقُصَيٍّ لِتَقَاصِيهِ فِى بِلَادِ قُضَاعَة

ialah Mujammi', dinamakannya Qushaiy kerana merantau ia ke Negeri Qudha'ah

الْقَصِيَّةِ ۞ إِلَى أَنْ أَعَادَهُ اللهُ تَعَالَى إِلَى الْحَرَمِ

yang jauh terpencil". "Akhirnya dengan kehendak Allah, beliau kembali ke Tanah Suci Makkah

الْمُحْتَرَمِ فَحَمَى حِمَاهُ ۞ ابْنُ كِلَابٍ وَاسْمُهُ

yang mulia lalu beliau menguruskan penjagaannya". "(Qushaiy) bin Kilab dan namanya ialah

حَكِيمُ ابْنُ مُرَّةَ ابْنِ كَعْبِ بْنِ لُؤَيِّ بْنِ غَالِبِ بْنِ

Hakim bin Murroh bin Ka'ab bin Luwayy bin Ghalib bin

فِهْرٍ وَاسْمُهُ قُرَيْشٌ، وَإِلَيْهِ تُنْسَبُ الْبُطُونُ

Fihr, dan namanya ialah Quraisy. daripada beliaulah bermulanya induk keturunan

الْقُرَشِيَّةِ ۞ وَمَا فَوْقَهُ كِنَانِيٌّ كَمَا جَنَحَ إِلَيْهِ

bangsa Quraisy". "Dan keturunan sebelumnya itu dibangsakan kepada bangsa Kinaniy menurut

الْكَثِيرُ وَارْتَضَاهُ ۞ ابْنِ مَالِكِ ابْنِ النَّضْرِ بْنِ

kebanyakan ahli sejarah dan diakui mereka akannya". "(Fihr) bin Malik bin Nadhr bin

كِنَانَةَ بْنِ خُزَيْمَةَ بْنِ مُدْرِكَةَ ابْنِ إِلْيَاسَ، وَهُوَ

Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas, dan dialah orang yang

أَوَّلُ مَنْ أَهْدَى الْبُدْنَ إِلَى الرِّحَابِ الْحَرَمِيَّةِ ۞

mula-mula menghadiahkan unta-unta tunggangan ke Tanah Haram".

وَسُمِعَ فِي صُلْبِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرَ

"Dan beliau terdengar dari sulbinya suara Nabi SAW berzikir kepada

اللّٰهَ تَعَالَى وَلَبَّاهُ ۞ اِبْنِ مُضَرَ بْنِ نِزَارِ بْنِ مَعَدِّ

Allah Taala dan mengucapkan talbiahnya". "(Ilyas) bin Mudhar bin Nizar bin Ma'add

بْنِ عَدْنَانَ وَهٰذَا سِلْكٌ نَظَّمَتْ فَرَائِدَهُ بَنَانُ

bin 'Adnan. Inilah nasab bak kalungan Mutiara yang bersusun indah, perkhabaran daripada

السُّنَّةِ السَّنِيَّةِ ۞ وَرَفْعُهُ إِلَى الْخَلِيلِ إِبْرٰهِيمَ

hadis yang mulia". "Adapun tentang sabit nasab Nabi SAW terus sampai kepada Nabi Ibrahim AS itu

أَمْسَكَ عَنْهُ الشَّارِعُ وَأَبَاهُ ۞ وَعَدْنَانُ بِلَا رَيْبٍ

didiamkan oleh Baginda serta tidak bersetuju akannya". "Adapun nasab beliau sehingga Adnan tidak

عِنْدَ ذَوِي الْعُلُومِ النَّسَبِيَّةِ ۞ إِلَى الذَّبِيحِ

diragui lagi menurut ahli sejarahnya". "Sampai nasab Baginda kepada yang kena perintah sembelih iaitu

إِسْمَاعِيلَ نِسْبَتُهُ وَمُنْتَمَاهُ وَمُنْتَهَاهُ ۞ فَأَعْظِمْ

Nabi Ismail AS, keturunan Baginda yang teratasnya”. “Maka muliakanlah keturunan yang

بِهِ مِنْ عِقْدٍ تَأَلَّقَتْ كَوَاكِبُهُ الدُّرِّيَّةُ ۞

hebat umpama kalungan permata berkilauan dan bergemerlapan”.

وَكَيْفَ لَا وَالسَّيِّدُ الْأَكْرَمُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

وَاسِطَتُهُ الْمُنْتَقَاهُ ۞

“Masakan tidak, walhal Baginda SAW yang mulia, adalah perantaraan semua mereka lagi yang terpilih”.

۞ نَسَبٌ تَحْسِبُ الْعُلَى بِحُلَاهُ .... ۞

“Keturunan Baginda tersangat mulia terhias ibarat”

۞ قَلَّدَتْهَا نُجُومَهَا الْجَوْزَآءُ ..... ۞

“Bak hiasan tergantung di gugusan bintang-bintang Jauza’”

۞ حَبَّذَا عِقْدُ سُودَدٍ وَّفَخَارٍ ...... ۞

“Indah menawan, bergemerlapan bersinar megah”

۞ أَنْتَ فِيهِ الْيَتِيمَةُ الْعَصْمَآءُ .... ۞

“Engkau wahai Baginda, ibarat permata tunggal yang terpelihara rapi”

۞ وَأَكْرِمْ بِهِ مِنْ نَسَبٍ طَهَّرَهُ اللهُ تَعَالَى مِنْ

"Alangkah mulianya nasab keturunan Baginda yang Allah Taala telah bersihkan daripada

سِفَاحِ الْجَاهِلِيَّةِ ۞ أَوْرَدَنَا الزَّيْنُ الْعِرَاقِيُّ وَارِدَهُ فِي

amalan keji (zina) golongan Jahiliah". "Telah menyebutkan kepada kita oleh Zain al-Iraqi dan menaqalkannya

مَوْرِدِ الْهَنِيِّ وَرَوَاهُ ۞

pada karya beliau ini (riwayat) yang amat mempersonakan (para pembaca dan pendengar)".

۞ حَفِظَ الْإِلَهُ كَرَامَةً لِمُحَمَّدٍ... ۞

"Memeliharakanlah oleh Allah, kerana kemuliaan Nabi Muhammad

۞ ءَابَآءَهُ الْأَمْجَادَ صَوْنًا لِاسْمِهِ... ۞

sekalian bapa-bapa Nabi Saw, supaya terpelihara nama baginda"

۞ تَرَكُوا السِّفَاحَ فَلَمْ يُصِبْهُمْ عَارُهُ.. ۞

"Mereka meninggalkan 'sifah' (zina), maka mereka selamat daripada 'aibnya"

۞ مِنْ ءَادَمٍ وَإِلَى أَبِيهِ وَأُمِّهِ...... ۞

"Sejak titisan dari Nabi Adam sehinggalah kepada ayah dan ibu Baginda" (iaitu tiada dalam keturunan Nabi SAW sampai Nabi Adam yang terlibat zina).

۞ سَرَاةٌ سَرَى نُورُ النُّبُوَّةِ فِي أَسَارِيرِ غُرَرِهِمُ

"Mereka yang ternama itu mewarisi cahaya nubuwwah (Nur Muhammad) pada sela-sela dahi mereka

الْبَهِيَّةِ ۞ وَبَدَا بَدْرُهُ فِي جَبِينِ جَدِّهِ عَبْدِ

yang menarik dipandang". "Dan nampak bersinar bak purnama akan nur itu pada dahi datuknya

الْمُطَّلِبِ وَابْنِهِ عَبْدِ اللهِ ۞

Abdul Muttalib dan kemudian pada dahi anaknya Abdullah".

عَطِّرِ اللّٰهُمَّ قَبْرَهُ الْكَرِيمَ

**"Ya Allah, harumkanlah kubur Baginda yang mulia"**

بِعَرْفٍ شَذِيٍّ مِنْ صَلَاةٍ وَتَسْلِيمٍ

**"Dengan haruman yang semerbak berupa selawat dan salam"**

# اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْهِ

۞ وَلَمَّا أَرَادَ اللهُ تَعَالَى إِبْرَازَ حَقِيقَتِهِ

"Manakala Allah Taala berkehendak mengeluarkan hakikat

الْمُحَمَّدِيَّةِ ۞ وَإِظْهَارَهُ جِسْمًا وَرُوحًا

Muhammadiyyah". "Serta menzahirkannya dalam bentuk tubuh dan ruh

بِصُورَتِهِ وَمَعْنَاهُ ۞ نَقَلَهُ إِلَى مَقَرِّهِ مِنْ صَدَفَةِ

dengan rupanya dan sifatnya". "Berpindahlah Nur Muhammadiyyah itu ke dalam rahim

آمِنَةَ الزُّهْرِيَّةِ ۞ وَخَصَّهَا الْقَرِيبُ الْمُجِيبُ

ibunya Aminah al-Zuhriyyah". "Telah menentukan dia (sejak azali) oleh Tuhan yang maha hampir dan maha perkenan

بِأَنْ تَكُونَ أُمًّا لِمُصْطَفَاهُ ۞ وَنُودِيَ فِي

bahawa (Aminah) itu ibu untuk Nabi pilihannya". "Lalu diserukan

السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضِ بِحَمْلِهَا لِأَنْوَارِهِ الذَّاتِيَّةِ ۞

di langit dan di bumi bahawa (Aminah) telah mengandungkan Nur Sejati (Muhammad)".

وَصَبَا كُلُّ صَبٍّ لِهُبُوبِ نَسِيمِ صِبَــاهُ ۞

"Setiap orang ternanti-nanti kerana cepat tersebar akan beritanya".

وَكُسِيَتِ الْأَرْضُ بَعْدَ طُولِ جَدْبِهَا مِنَ النَّبَاتِ

"Bumi yang lama keringnya mula subur dengan hidupnya tumbuh-tumbuhan umpama disaluti

حُلَلًا سُنْدُسِيَّةً ۞ وَأَيْنَعَتِ الثِّمَارُ وَأَدْنَى الشَّجَرُ

kain sutera Sundus". "Buah-buahan pun masak ranum dan pepohon pun merendang dahannya

لِلْجَانِي جَنَــاهُ ۞ وَنَطَقَتْ بِحَمْلِهِ ۦ كُلُّ دَآبَّةٍ

lalu mudahlah memetik buahnya". "Berkata-katalah binatang tunggangan kaum Quraisy

لِقُرَيْشٍ بِفِصَاحِ الْأَلْسُنِ الْعَرَبِيَّةِ ۞ وَخَرَّتِ

dengan bahasa Arab yang fasih bahawa Nabi telah dikandungkan". "Lalu robohlah

الْأَسِرَّةُ وَالْأَصْنَامُ عَلَى الْوُجُوهِ وَالْأَفْوَاهِ ۞

singgahsana raja-raja dan berhala-berhala tersungkur ke bumi".

وَتَبَاشَرَتْ وُحُوشُ الْمَشَارِقِ وَالْمَغَارِبِ وَدَوَابُّهَا

"Binatang liar bertebaran ke timur dan barat riang membawa berita termasuklah juga binatang

الْبَحْرِيَّةُ ۞ وَاحْتَسَتِ الْعَوَالِمُ مِنَ السُّرُورِ

di lautan". "Seluruh makhluk terlalu gembira sehingga kelihatan seumpama sedang meminum

كَأْسَ حُمَيَّاهُ ۞ وَبُشِّرَتِ الْجِنُّ بِإِظْلَالِ زَمَنِهِ

arak yang pekat". "Makhluk Jin juga gembira menanti kelahiran Baginda

وَانْتُهِكَتِ الْكَهَانَةُ وَرَهِبَتِ الرُّهْبَانِيَّةُ ۞ وَلَهِجَ

dan tak menjadi segala tilikan tukang tilik, dan gentar segala Rahib". "Saling bercakap

بِخَبَرِهِ كُلُّ حِبْرٍ خَبِيرٍ وَفِي حُلَا حُسْنِهِ تَاهَ ۞

mengenai kelahiran Nabi oleh setiap pendita yang bijak, ciri-ciri keistimewaan Baginda membuatkan mereka semua tercengang-cengang".

وَأُتِيَتْ أُمُّهُ فِي الْمَنَامِ فَقِيلَ لَهَا إِنَّكِ قَدْ

"Dan didatangi dalam tidur ibu Baginda, lalu dikatakan kepadanya: Engkau telah

حَمَلْتِ بِسَيِّدِ الْعَالَمِينَ وَخَيْرِ الْبَرِيَّةِ ۞ وَسَمِّيهِ

mengandungkan penghulu seluruh alam dan sebaik-baik manusia". "dan namakanlah

إِذَا وَضَعْتِهِ مُحَمَّدًا لِأَنَّهُ سَتُحْمَدُ عُقْبَاهُ ۞

apabila engkau melahirkannya nanti dengan nama 'Muhammad' kerana dia akan dipuji jua kesudahannya".

عَطِّرِ اللّٰهُمَّ قَبْرَهُ الْكَرِيمَ

**"Ya Allah, harumkanlah kubur Baginda yang mulia"**

بِعَرْفٍ شَذِيٍّ مِنْ صَلَاةٍ وَتَسْلِيمٍ

**"Dengan haruman yang semerbak berupa selawat dan salam"**

# اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْهِ

۞ وَلَمَّا تَمَّ مِنْ حَمْلِهِ شَهْرَانِ عَلَى مَشْهُورِ

"Dan manakala genaplah usianya di dalam kandungan ibunya dua bulan menurut pendapat yang masyhur

الْأَقْوَالِ الْمَرْوِيَّةِ ۞ تُوُفِّيَ بِالْمَدِينَةِ الْمُنَوَّرَةِ أَبُوهُ

dalam kalangan para periwayat". "Telah meninggal dunia di Madinah al-Munawwarah bapanya

عَبْدُ اللّٰهِ ۞ وَكَانَ قَدِ اجْتَازَ بِأَخْوَالِهِ بَنِي عَدِيٍّ

iaitu Abdullah". "Adalah bapa Baginda menziarahi saudara-saudaranya Bani 'Adiy

مِّنَ الطَّآئِفَةِ النَّجَّارِيَّةِ ۞ وَمَكَثَ فِيهِمْ شَهْرًا

dari kalangan toifah Bani Najjar". "Bapa Baginda tinggal di sana sebulan

سَقِيمًا يُعَانُونَ سُقْمَهُ وَشَكْوَاهُ ۞ وَلَمَّا تَمَّ مِنْ

halnya sakit, mereka bimbang melarat sakitnya, melihat cara dia mengadu sakitnya". "Dan manakala genaplah

حَمْلِهِ عَلَى الرَّاجِحِ تِسْعَةُ أَشْهُرٍ قَمَرِيَّةٍ ۞ وَآنَ

usia kandungannya (menurut pendapat yang kuat) Sembilan bulan". "Hampirlah tiba

لِلزَّمَانِ أَن يَنْجَلِي عَنْهُ صَدَاهُ ۞ حَضَرَ أُمَّهُ لَيْلَةَ

zaman yang gersang itu akan kembali menyinarnya”. “Ibu Baginda telah dilawati pada malam

مَوْلِدِهِ آسِيَةُ وَمَرْيَمُ فِي نِسْوَةٍ مِنَ الْحَظِيرَةِ

kelahiran itu oleh Asiah dan Siti Maryam serta beberapa bidadari syurga

الْقُدْسِيَّةِ ۞ وَأَخَذَهَا الْمَخَاضُ فَوَلَدَتْهُ صَلَّى اللهُ

yang suci”. “Akhirnya Aminah pun terasa hendak melahirkan, lalu lahirlah Baginda

عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نُورًا يَتَلَأْلَأُ سَنَاهُ ۞

Nabi SAW bersama cahaya nur yang terang benderangnya”.

# BANGUN BERSELAWAT

۞ صَلَّى اللهُ عَلَى مُحَمَّدٍ ۞ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ۞

۞ يَا نَبِي سَلَامٌ عَلَيْكَ ۞ يَا رَسُوْل سَلَامٌ عَلَيْكَ ۞

۞ يَا حَبِيبْ سَلَامٌ عَلَيْكَ ۞ صَلَوَاتُ اللهِ عَلَيْكَ ۞

۞ صَلَّى اللهُ عَلَى مُحَمَّدٍ ۞ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ۞

۞۞۞

۞ مَرْحَبًا يَا نُورُ الْعَيْنِ، مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Selamat datang wahai cahaya mata….. selamat datang...

۞ مَرْحَبًا جَدَّ الْحُسَيْنِ، مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Selamat datang wahai datuk Hasan dan Husain… selamat datang.."

۞ أَشْرَقَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Terbitlah bulan purnama ke atas kami… selamat datang.."

۞فَاخْتَفَتْ مِنْهُ الْبُدُوْرُ مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Maka sirnalah cahaya bulan dan bintang… Selamat datang"

۞مِثْلَ حُسْنِكْ مَا رَأَيْنَا مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Kecantikan rupamu belum pernah kami lihat… Selamat datang…"

۞قَطُّ يَا وَجْهَ السُّرُوْرِ مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Sebelum ini. wahai wajah yang menggembirakan… selamat datang.."

۞مَرْحَبًا يَا نُوْرَ الْعَيْنِ، مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Selamat datang wahai cahaya mata….. selamat datang..."

۞مَرْحَبًا جَدَّ الْحُسَيْنِ، مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Selamat datang wahai datuk Hasan dan Husain… selamat datang.."

۞أَنْتَ شَمْسٌ أَنْتَ بَدْرٌ مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Engkau laksana matahari, laksana bulan purnama… Selamat datang…"

۞أَنْتَ نُوْرٌ فَوْقَ نُوْرٍ مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Engkau adalah cahaya mengatasi cahaya… Selamat datang…"

۞أَنْتَ إِكْسِيرٌ وَغَالِي مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Engkau ibarat wangian penawar dan bernilai tinggi… selamat datang.."

۞أَنْتَ مِصْبَاحُ الصُّدُورِ مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Engkaulah pelita cahaya hati kami… selamat datang.."

۞مَرْحَبًا يَا نُورَ الْعَيْنِ، مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Selamat datang wahai cahaya mata….. selamat datang..."

۞مَرْحَبًا جَدَّ الْحُسَيْنِ، مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Selamat datang wahai datuk Hasan dan Husain… selamat datang.."

# ۞Duduk semula۞

۞يَا حَبِيبِي يَا مُحَمَّدْ مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Wahai kekasihku, wahai Muhammad… selamat datang…"

۞يَا عَرُوسَ الْخَافِقَيْنِ مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Wahai pengantin timur dan barat… selamat datang…"

۞يَا مُؤَيَّدْ يَا مُمَجَّدْ مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Wahai Nabi yang di anugerah kekuatan, bersifat luhur… selamat datang.."

۞يَا إِمَامَ الْقِبْلَتَيْنِ مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Wahai Imam dua kiblat…. selamat datang…"

۞مَرْحَبًا يَا نُورَ الْعَيْنِ، مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Selamat datang wahai cahaya mata….. selamat datang..."

۞مَرْحَبًا جَدَّ الْحُسَيْنِ، مَرْحَبًا يَا مَرْحَبًا

"Selamat datang wahai datuk Hasan dan Husain… selamat datang.."

۞مَنْ رَّآى وَجْهَكَ يَسْعَدْ مَرْحَبًا (٢ كالي)

"Sesiapa yang melihat wajahmu, bahagaialah dia.. Selamat datang..""

۞ اللهُ يَا كَرِيمَ الْوَالِدَيْنِ مَرْحَبًا (٢ كالي)

"Wahai baginda yang amat sayang kedua ibu bapanya.. selamat datang"

۞ حَوْضُكَ الصَّافِي الْمُبَرَّدْ مَرْحَبًا (٢ كالي)

"Air telaga (Kautsar) mu nyaman lagi sejuk… selamat datang"

۞ اللهُ. وِرْدُنَا يَوْمَ النُّشُورِ مَرْحَبًا (٢ كالي)

"Ya allah.. (air itu) sebagai minuman kami di hari kebangkitan.. selamat datang"

۞ مَرْحَبًا يَا نُورَ الْعَيْنِ، مَرْحَبًا (٢ كالي)

"Selamat datang wahai cahaya mata….. selamat datang..."

۞ مَرْحَبًا جَدَّ الْحُسَيْنِ، مَرْحَبًا (٢ كالي)

"Selamat datang wahai datuk Hasan dan Husain… selamat datang.."

عَالِمُ السِّرِّ وَأَخْفَى ۞ مُسْتَجِيبُ الدَّعَوَاتِ

"(Allah) mengetahui perkara rahsia dan tersembunyi, yang memperkenankan segala doa "

رَبِّ ارْحَمْنَا جَمِيعًا ۞ بِجَمِيعِ الصَّالِحَاتِ

"Wahai Tuhan, rahmatilah kami semua dengan sekalian amal-amal soleh"

۞ صَلَّى اللهُ عَلَى مُحَمَّدٍ ۞ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ۞

وَصَلَاةُ اللهِ عَلَى أَحْمَدَ ۞ عَدَّ تَحْرِيرِ السُّطُورِ

"Rahmat Allah ke atas Nabi Ahmad, sebilang-bilang tulisan lembaran"

أَحْمَدُ الْهَادِي مُحَمَّدُ صَاحِبُ الْوَجْهِ الْمُنِيرِ

"Nabi Ahmad yang membawa petunjuk iaitu Muhammad empunya wajah bersinar"

۞ صَلَّى اللهُ عَلَى مُحَمَّدٍ ۞ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ۞

۞۞۞۞۞

❁ وَمُحَيًّا كَالشَّمْسِ مِنْكَ مُضِيءٌ ❁ أَسْفَرَتْ

"**Wajahmu** laksana matahari yang bersinar terang". "Terpancar daripadanya

عَنْهُ لَيْلَةٌ غَرَّاءُ ❁ لَيْلَةُ الْمَوْلِدِ الَّذِي كَانَ لِلدِّينِ

jadilah malam cerah berseri". "Malam kelahiran yang disambut oleh ahli agama

سُرُورٌ بِيَوْمِهِ وَازْدِهَاءُ ❁ يَوْمَ نَالَتْ بِوَضْعِهِ ابْنَةُ

dengan penuh gembira di hari tersebut penuh teruja". Di hari kelahiran itu telah memperolehlah

وَهْبٍ مِنْ فَخَارٍ مَا لَمْ تَنَلْهُ النِّسَاءُ ❁ وَأَتَتْ

(Aminah) binti Wahb darjat kebanggaan yang tak pernah didapati oleh perempuan lain". "Dia telah menyumbangkan

قَوْمَهَا بِأَفْضَلَ مِمَّا حَمَلَتْ قَبْلُ مَرْيَمُ الْعَذْرَاءُ

kepada kaumnya sebaik-baik (utusan), lebih mulia daripada Nabi Isa anak Siti Maryam yang mengandung ketika masih dara"

❁ مَوْلِدٌ كَانَ مِنْهُ فِي طَالِعِ الْكُفْرِ وَبَالٌ عَلَيْهِمُ

"Kelahiran baginda (membawa agama Islam) menjadi sebab golongan kafir (Farsi) mendapat bencana besar

وَوَبَـآءُ ۞ وَتَوَالَتْ بُشْرَى الْهَوَاتِفِ أَنْ قَدْ وُلِدَ

dan mendapat penyakit”.  “Bertali arus berita gembira tersebar bahawa telah lahirlah

الْمُصْطَفَى وَحُقَّ الْهَنَـآءُ ۞ هٰذَا وَقَدِ اسْتَحْسَنَ

Nabi pilihan dan alangkah gembiranya”. “Kerana inilah dipandang baik

الْقِيَامَ عِنْدَ ذِكْرِ مَوْلِدِهِ الشَّرِيفِ أَئِمَّةٌ ذَوُوا

berdiri ketika menyebutkan baginda yang mulia telah lahir ke dunia, oleh para ulama

رِوَايَةٍ وَّرَوِيَّةٍ ۞ فَطُوبَى لِمَنْ كَانَ تَعْظِيمُهُ صَلَّى

yang mengambil riwayat ulama terdahulu”. “Maka alangkah bahagianya mereka yang memuliakan

اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَايَةَ مَرَامِهِ وَمَرْمَاهُ ۞

dan membesarkanNabi SAW sehingga-hingga pemuliaannya”.

عَطِّرِ اللّٰهُمَّ قَبْرَهُ الْكَرِيمَ

**“Ya Allah, harumkanlah kubur Baginda yang mulia”**

بِعَرْفٍ شَذِيٍّ مِنْ صَلَاةٍ وَتَسْلِيمٍ

**“Dengan haruman yang semerbak berupa selawat dan salam”**

# اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْهِ

۞ وَكَانَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَدِيدَ الْحَيَآءِ

"Adalah Rasulullah SAW bersangatan malunya

وَالتَّوَاضُعِ، يَخْصِفُ نَعْلَهُ وَيَرْقَعُ ثَوْبَهُ وَيَحْلُبُ

dan bersangatan tawaduknya. Baginda membaiki sepatunya sendiri, menampung bajunya sendiri dan juga mengembala

شَاتَهُ، وَيَسِيرُ فِي خِدْمَةِ أَهْلِهِ بِسِيرَةٍ سَرِيَّةٍ ۞

kambingnya sendiri. dan Baginda membantu kerja rumah isterinya dengan cara yang baik"

وَيُحِبُّ الْفُقَرَآءَ وَالْمَسَاكِينَ وَيَجْلِسُ مَعَهُمْ،

"Baginda mengasihi orang-orang fakir dan miskin serta baginda duduk bersama mereka.

وَيَعُودُ مَرْضَاهُمْ وَيُشَيِّعُ جَنَآئِزَهُمْ، وَلَا يَحْقِرُ

Baginda menziarahi orang sakit, berjalan mengiringi jenazah mereka, Baginda tidak memandang hina kepada

فَقِيرًا أَدْقَعَهُ الْفَقْرُ وَأَشْوَاهُ ۞ وَيَقْبَلُ الْمَعْذِرَةَ وَلَا

orang susah (faqir) yang ditimpa kemiskinannya”. “Dan Baginda menerima permohonan maaf dan tidaklah baginda

يُقَابِلُ أَحَدًا بِمَا يَكْرَهُ وَيَمْشِي مَعَ الْأَرْمَلَةِ

hadapkan sesuatu yang tidak disukai seseorang, dan Baginda rela berjalan bersama ibu-ibu tunggal

وَذَوِي الْعُبُودِيَّةِ ۞ وَلَا يَهَابُ الْمُلُوكَ وَيَغْضَبُ لِلّٰهِ

dan juga para hamba”. “Dan Baginda tidak gentar dengan raja-raja dan Baginda membenci seseorang hanya kerana Allah

تَعَالَى وَيَرْضَى لِرِضَاهُ ۞ وَيَمْشِي خَلْفَ أَصْحَابِهِ

Taala dan mengasihi seseorang juga hanya kerana redhaNya”. “Baginda biasa berjalan di belakang para sahabatnya

وَيَقُولُ خَلُّوا ظَهْرِي لِلْمَلَائِكَةِ الرُّوحَانِيَّةِ ۞

Cuma baginda berpesan: Berilah ruang sedikit di belakang aku untuk ruang Malaikat Ruhaniyyah ”.

وَيَرْكَبُ الْبَعِيرَ وَالْفَرَسَ وَالْبَغْلَةَ وَحِمَارًا بَعْضُ

“Baginda menunggang unta, kuda dan baghal dan keldai yang telah

الْمُلُوكِ إِلَيْهِ أَهْدَاهُ ۞ وَيَعْصِبُ عَلَى بَطْنِهِ الْحَجَرَ

dihadiahkan oleh raja-raja kepadanya". "dan Baginda sanggup mengikat perutnya dengan batu

مِنَ الْجُوعِ وَقَدْ أُوتِيَ مَفَاتِيحَ الْخَزَائِنِ الْأَرْضِيَّةِ

kerana menahan lapar. padahal Baginda memiliki anak kunci perbendaharaan bumi".

۞ وَرَاوَدَتْهُ الْجِبَالُ بِأَنْ تَكُونَ ذَهَبًا فَأَبَاهُ ۞

"Pernah bukit-bukit menawar diri kepada Baginda untuk menjadi emas, namun Baginda tetap menolaknya".

۞ وَكَانَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقِلُّ اللَّغْوَ وَيَبْدَأُ

"Adalah Rasulullah SAW sangat sedikit bercakap kosong. Baginda selalu memulakan

مَنْ لَقِيَهُ بِالسَّلَامِ ۞ وَيُطِيلُ الصَّلَاةَ وَيَقْصُرُ

akan orang yang ditemuinya dengan memberi salam". "Baginda memanjangkan solat dan memendekkan

الْخُطَبَ الْجُمُعِيَّةِ ۞ وَيَتَأَلَّفُ أَهْلَ الشَّرَفِ

khutbah Jumaat". "Baginda bersikap lunak dengan golongan pembesar

وَيُكْرِمُ أَهْلَ الْفَضْلِ وَيَمْزَحُ وَلَا يَقُولُ إِلَّا حَقًّا

Baginda memuliakan ahl al-fadhl (orang-orang yang berakhlak mulia) dan Baginda juga biasa melawak dan tidaklah melawak Baginda melainkan hanya perkataan yang benar

يُحِبُّهُ اللّٰهُ تَعَالَى وَيَرْضَاهُ ۞ وَهٰهُنَا وَقَفَ بِنَا جَوَادُ

yang disukai oleh Allah Ta'ala dan diredhainya". "Kini sampailah perhentiannya pada (membicarakan maulid Nabi) yang indah

الْمَقَالِ عَنِ الطِّرَادِ فِي الْحَلْبَةِ الْبَيَانِيَّةِ ۞ وَبَلَغَ

bicaranya umpama berhentilah kuda yang berlari dalam perlumbaan yang rencam dengan pelbagai jenis kudanya (ibarat drpd pelbagai jenis rujukan dan ambilan sumber)'.

ضَاعِنُ الْإِمْلَاءِ فِي فَدَافِدِ الْإِيضَاحِ مُنْتَهَاهُ ۞

Dan sampailah ke penghujung bicara (maulid ini yang panjang lebar bicaranya) seumpama singgah berhenti di hamparan bumi luas terbentang menuju kesudahannya."

عَطِّرِ اللّٰهُمَّ قَبْرَهُ الْكَرِيمَ

**"Ya Allah, harumkanlah kubur Baginda yang mulia"**

بِعَرْفٍ شَذِيٍّ مِنْ صَلَاةٍ وَتَسْلِيمٍ

**"Dengan haruman yang semerbak berupa selawat dan salam"**

# اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْهِ

# DOA MAJLIS RAWI

۞ اَللّٰهُمَّ يَا بَاسِطَ الْيَدَيْنِ بِالْعَطِيَّةِ ۞ يَا مَنْ إِذَا

"Ya Allah, Tuhan yang amat luas anugerah pemberiannya". "Wahai Tuhan yang apabila

رُفِعَتْ إِلَيْهِ أَكُفُّ الْعَبْدِ كَفَاهُ ۞ يَا مَنْ تَنَزَّهَ فِي

hambamu mengangkat tangan berdoa kepadaMu nescaya memadai". 'Wahai Tuhan yang Maha Suci

ذَاتِهِ وَصِفَاتِهِ الْأَحَدِيَّةِ ۞ عَنْ أَنْ يَكُونَ لَهُ فِيهَا

zatNya dan sifat-sifatNya yang Esa". "Bahawa maha suci baginya pada zat dan sifatnya itu

نَظَآئِرُ وَأَشْبَاهُ ۞ يَا مَنْ تَفَرَّدَ بِالْبَقَآءِ وَالْقِدَمِ

daripada sesuatu yang setanding denganNya atau serupa denganNya". "Wahai Tuhan yang tunggal dengan sifat kekal dan sedia ada

وَالْأَزَلِيَّةِ ۞ يَا مَنْ لَا يُرْجَى غَيْرُهُ وَلَا يُعَوَّلُ عَلَى

sejak azali". "Wahai Tuhan yang tidak digantung harapan selain kepadanya dan tidak diminta pertolongan

سِوَاهُ ۞ يَا مَنِ اسْتَنَدَ الْأَنَامُ إِلَى قُدْرَتِهِ الْقَيُّومِيَّةِ

selain daripadaNya". "Wahai Tuhan yang menjadi tempat sandaran manusia kepada qudratNya yang berdiri pada zatNya".

۞ وَأَرْشَدَ بِفَضْلِهِ مَنِ اسْتَرْشَدَهُ وَاسْتَهْدَاهُ ۞

"Dan yang membimbing dengan anugerahNya mereka-mereka yang meminta bimbingan dan meminta petunjukNya".

نَسْأَلُكَ اللّٰهُمَّ بِأَنْوَارِكَ الْقُدْسِيَّةِ ۞ الَّتِي أَزَاحَتْ

"Kami memohon kepadamu ya Allah, bertawassul dengan nurMu yang suci". "Yang melenyapkan

مِنْ ظُلُمَاتِ الشَّكِّ دُجَاهُ ۞ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ

segala gelap keraguan dan kelamnya". "Dan kami bertawassul kepadaMu ya Allah

بِشَرَفِ الذَّاتِ الْمُحَمَّدِيَّةِ ۞ وَمَنْ هُوَ آخِرُ

demi kemuliaan zat al-Muhammadiyyah". "Yang mana Baginda ialah Nabi terakhir

الْأَنْبِيَاءِ بِصُورَتِهِ وَأَوَّلُهُمْ بِمَعْنَاهُ ۞ وَبِآلِهِ

pada sudut zahirnya dan Nabi yang terawal pada makna hakikatnya". "Dan juga kami bertawassul dengan keluarga

كَوَاكِبِ أَمْنِ الْبَرِيَّةِ ۞ وَسَفِينَةِ السَّلَامَةِ

Baginda, kerana mereka itu ibarat bintang-bintang penyuluh semua manusia”. “Juga umpama bahtera yang terjamin selamat

وَالنَّجَاةِ ۞ وَبِأَصْحَابِهِۦ أُوْلِي الْهِدَايَةِ وَالْأَفْضَلِيَّةِ

dan sejahtera”. “dan juga kami bertawassul melalui para sahabat Baginda yang berada di atas jalan hidayah dan keutamaan

۞ ٱلَّذِينَ بَذَلُوا نُفُوسَهُمْ لِلَّهِ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ

yang telah mengorbankan diri mereka untuk Allah hanya kerana mengharapkan anugerah

اللَّهِ ۞ وَبِحَمَلَةِ شَرِيعَتِهِۦ أُوْلِي الْمَنَاقِبِ

daripada Allah. Dan kami bertawassul kepadaMu yang Allah dengan para ulama ‘amilin yang mulia budi pekerti mereka

وَالْخُصُوصِيَّةِ ۞ ٱلَّذِينَ اسْتَبْشَرُوا بِنِعْمَةٍ وَفَضْلٍ

dan juga mempunyai keistimewaan. yang telah sampai berita berita gembira buat mereka (di dalam al-Quran dan hadis) dengan janji nikmat dan limpah anugerah

مِنَ اللَّهِ ۞ أَنْ تُوَفِّقَنَا فِي الْأَقْوَالِ وَالْأَعْمَالِ

daripada Allah. Supaya Engkau memberi taufik kepada kami pada segala perkataan dan amalan kami

لِإِخْلَاصِ النِّيَّةِ ۞ وَتُنْجِحَ لِكُلٍّ مِّنَ الْحَاضِرِينَ

dengan penuh keikhlasan. Dan semoga Engkau memberi kejayaan kepada semua kaum muslimin termasuk yang hadir di sini

وَالْغَائِبِينَ مَطْلَبَهُ وَمُنَاهُ ۞ وَتُخَلِّصَنَا مِنْ أَسْرِ

dan juga yang tidak hadir akan tuntutan dan cita-citanya. Dan supaya Engkau bersihkan kami daripada runtunan

الشَّهَوَاتِ وَالْأَدْوَاءِ الْقَلْبِيَّةِ ۞ وَتُحَقِّقَ لَنَا مِنَ

hawa nafsu dan segala penyakit hati. Dan tetapkanlah bagi kami daripada

الْآمَالِ مَا بِكَ ظَنَنَّاهُ ۞ وَتَكْفِيَنَا كُلَّ مُدْلَهِمَّةٍ

segala apa yang kami inginkan yang kami harapkan sampai hajat citanya. Dan kami memohon supaya dapat menahan diri kami daripada perkara yang menggelapkan hati

وَبَلِيَّةٍ ۞ وَلَا تَجْعَلْنَا مِمَّنْ أَهْوَاهُ هَوَاهُ ۞ وَتُدْنِيَ لَنَا

dan segala ujian. dan janganlah jadikan kami termasuk dalam kalangan mereka yang hanya menurut hawa nafsunya. Dan dekatkanlah kami

مِنْ حُسْنِ الْيَقِينِ قُطُوفًا دَانِيَةً جَنِيَّةً ۞ وَتَمْحُوَ

dengan keindahan yakin umpama pohon rendang yang senang dipetik buahnya. Dan hapuskanlah

عَنَّا كُلَّ ذَنْبٍ جَنَيْنَـــاهُ (٣ كالي) ❁ وَتَسْتُرَ لِكُلِّ

daripada kami segala dosa yang telah kami lakukannya. Dan supaya Engkau tutupkan

مِنَّا عَيْبَهُ وَعَجْزَهُ وَحَصْرَهُ وَعِيَّهُ ❁ وَتُسَهِّلَ

daripada kami akan ‘aib dan kelemahan dan juga kebingungan. Dan mudahkanlah

لَنَا مِنْ صَالِحِ الْأَعْمَالِ مَا عَزَّ ذُرَاهُ ❁ وَتَعُمَّ

bagi kami untuk melakukan amal soleh apa-apa yang payah untuk diangkat naik pahalanya. Dan litupilah seluruh

جَمْعَنَا هٰذَا مِنْ خَزَائِنِ مَنْحِكَ السَّنِيَّةِ ❁

perhimpunan kami ini dengan limpahan khazanah pemberianMU yang amat bernilai.

بِرَحْمَةٍ وَمَغْفِرَةٍ وَتُدِيمَ عَمَّنْ سِوَاكَ غِنَـاهُ ❁

iaitu dengan rahmat dan keampunan. dan kekalkan kami supaya segala yang selain Engkau, terkaya kami daripadanya.

اَللّٰهُمَّ إِنَّكَ جَعَلْتَ لِكُلِّ سَآئِلٍ مَقَامًا وَمَزِيَّةً ❁

Ya Allah, Engkau telah menjadikan bagi setiap yang memohon kepadaMu satu kedudukan dan kelebihan.

وَلِكُلِّ رَاجٍ مَّآ أَمَّلَهُ فِيكَ رَجَاهُ ۞ وَقَدْ سَأَلْنَاكَ

dan bagi yang mengharapkan apa yang dicitanya itu daripadaMu tercapai harapannya. Sesungguhnya kami memohon kepadaMu

رَاجِينَ مَوَاهِبَكَ اللَّدُنِّيَّةَ ۞ فَحَقِّقْ لَنَا مَا مِنْكَ

halnya kami mengharapkan limpah kurniaMu yang bersifat laduni (tidak perlu bersusah payah). Maka peruntukkanlah bagi kami apa-apa yang

رَجَوْنَاهُ ۞ اَللّٰهُمَّ ءَامِنِ الرَّوْعَاتِ وَأَصْلِحِ

kami harapkannya. Ya Allah sentosakanlah seluruh rakyat jelata dan islahkanlah

الرُّعَاتِ وَالرَّعِيَّةَ ۞ وَأَعْظِمِ الْأَجْرَ لِمَنْ جَعَلَ

para pemimpin dan juga masyarakat. Dan gandakanlah pahala bagi mereka yang mengadakan majlis

هٰذَا الْخَيْرَ فِي هٰذَا الْيَوْمِ وَأَجْرَاهُ (هٰذِهِ اللَّيْلَةِ

yang baik ini, dihari ini, dan pahala kepada mereka yang meneruskan amalan baiknya.

وَأَجْرَاهُ)⁽¹⁾ ۞ اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ هٰذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَآئِرَ بِلَادِ

Ya Allah, jadikanlah negeri ini dan juga seluruh negara

(1) Jika dibaca malam hari maka bacalah yang di dalam kurungan

الْإِسْلَامِ ءَامِنَةً رَّخِيَّةً ۞ وَاسْقِنَا غَيْثًا يَعُمُّ

Islam aman damai dan makmur. Dan turunkanlah hujan ke atas negeri kami dengan hujan yang meratai

انْسِيَابُ سَيْبِهِ السَّبْسَبَ وَرُبَاهُ ۞ وَاغْفِرْ

yang mengalir airnya di segenap tanah yang rendah dan tanah yang tingginya. Dan ampunkanlah

لِنَاسِجِ هٰذِهِ الْبُرُودِ الْمُحَبَّرَةِ الْمَوْلِدِيَّةِ ۞ سَيِّدِنَا

pengarang karya bertenun indah ini yang membicarakan maulid Nabi. iaitu Saidina

جَعْفَرٍ مَّنْ إِلَى الْبَرْزَنْجِيِّ نِسْبَتُهُ وَمُنْتَمَاهُ ۞

Jaafar yang dinisbahkan kepada keturunan Barzanji dan disandarkan pula kepadanya.

وَحَقِّقْ لَهُ الْفَوْزَ بِقُرْبِكَ وَالرَّجَآءَ وَالْأُمْنِيَّةَ ۞

Dan tetapkanlah kejayaan untuknya dengan hampirnya kepadaMU, juga apa yang diharapkan olehnya dan dicita-citakan.

وَاجْعَلْ مَعَ الْمُقَرَّبِينَ مَقِيلَهُ وَسُكْنَاهُ ۞ وَاسْتُرْ

Dan jadikanlah dia dapat bersama golongan muqarrabin, tempat dia mengambil kesenangan dan kediamannya. dan tutupilah

لَهُ عَيْبَهُ وَعَجْزَهُ وَحَصْرَهُ وَعِيَّهُ ۞ وَكَاتِبِهَا

akan maruahnya, kelemahannya, kekurangannya dan keresahannya. juga terhadap penulisnya

وَقَارِئِهَا وَمَنْ أَصَاخَ إِلَيْهَا سَمْعَهُ وَأَصْغَاهُ ۞

dan pembacanya dan sesiapa sahaja yang membuatkan orang lain mendengarnya.

اَللّٰهُمَّ وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى أَوَّلِ قَابِلٍ لِلتَّجَلِّي مِنَ

Ya Allah, rahmatilah dan sejahterakanlah ke atas (Nabi Muhammad) insan pertama yang menerima tajalli (pancaran nur di hati) yang

الْحَقِيقَةِ الْكُلِّيَّةِ ۞ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ

dapat menyingkap hakikat seluruhnya. dan juga selawat dan salam buat ahli keluarga Baginda, para sahabatnya dan mereka-mereka yang

نَّصَرَهُ وَوَالَاهُ ۞ مَا شُنِّفَتِ الْآذَانُ مِنْ وَصْفِهِ

menolongnya dan memuliakannya. Selama mana telinga masih berhias indah rupanya (iaitu sifat Nabi SAW)

الدُّرِّيِّ بِأَقْرَاطٍ جَوْهَرِيَّةٍ ۞ وَتَحَلَّتْ صُدُورُ

ibarat berhias permata lu’lu’ yang cantik berseri. dan juga terhias di hati

الْمَحَافِلِ الْمُنِيفَةِ بِعُقُودِ حُلَاهُ ۞ وَأَفْضَلُ الصَّلَاةِ

para pemimpin majlis (marhaban ini) yang duduk lebih tinggi dengan penuh gayanya. Sebaik-baik selawat

وَأَتَمُّ التَّسْلِيمِ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ

dan sesempurna salam ke atas penghulu kita dan tuan mulia kita iaitu Nabi Muhammad SAW penutup

الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ ۞ وَعَلَى ءَالِهِۦ وَصَحْبِهِۦ

sekalian nabi dan rasul, dan ke atas ahli keluarga Baginda dan juga para sahabatnya

أَجْمَعِينَ ۞ سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا

sekaliannya. Maha suci Engkau wahai Tuhan, yang maha suci daripada segala apa yang

يَصِفُونَ ۞ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ ۞ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ

mereka sifatkan. Sejahteralah ke atas para rasul dan segala puji hanya bagi Allah tuhan semesta alam.

۞ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۞

**Selesai diterjemah pada: 23/5/2017**